


Nº 0028

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA



PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 4 TAHUN 1994

**PEMBERIAN HADIAH PERGERAKAN GAJI BAGI ANGGOTA DALAM
SKIM-SKIM PERKHIDMATAN YANG MEMPERUNTUK KELAYAKAN
MASUK PELBAGAI DI BAWAH KLASIFIKASI
PERKHIDMATAN PENDIDIKAN**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan dasar dan kaedah pemberian Hadiah Pergerakan Gaji (HPG) bagi anggota yang memiliki kelayakan **akademik** lebih tinggi ketika dalam perkhidmatan iaitu bagi skim-skim perkhidmatan yang memperuntuk Kelayakan Masuk Pelbagai (KMP) di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pendidikan.
2. Skim-skim perkhidmatan terlibat ialah Skim Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS), Skim Perkhidmatan Pensyarah Institut Teknologi MARA (ITM), Skim Perkhidmatan Pensyarah Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) dan Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti. Gaji permulaan kelayakan lebih tinggi yang berbeza itu adalah seperti di *Lampiran 'A'*.

LATARBELAKANG

3. Di bawah Laporan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Gaji Sektor Awam (JKK-MGSA) 1991, prinsip pemberian matagaji permulaan bagi skim-skim perkhidmatan yang memperuntukkan **atau** yang membekalkan KMP adalah seperti berikut:
 - (i) bagi calon yang memiliki kelayakan lebih tinggi pada tarikh perlantikan, matagaji permulaan yang ditawarkan adalah mengikut nilai kelayakan yang diperolehi. Contohnya, di bawah skim perkhidmatan Pensyarah Universiti DS2, DS1, calon yang memiliki Ijazah Sarjana akan ditawarkan matagaji permulaan PIT1 (RM1686) manakala Ijazah PhD ditawarkan matagaji permulaan PIT4 (RM1884);
 - (ii) bagi calon-calon yang telah dilantik dan kemudiannya memperolehi kelayakan yang lebih tinggi ketika dalam perkhidmatan, mereka **tidak layak** diberi pelarasan ke matagaji permulaan yang lebih tinggi. Ini adalah kerana peruntukan yang tersebut di perenggan 3 (i) hanya terpakai semasa perlantikan sahaja. Contohnya, Pensyarah Universiti yang dilantik atas kelayakan Sarjana dengan matagaji PIT1 **tidak layak** diselaraskan ke matagaji PIT4 sungguhpun memperolehi ijazah PhD selepas 2 tahun dilantik.

4. Pemakaian prinsip pemberian matagaji permulaan ini menyebabkan gaji anggota yang baru dilantik dengan kelayakan lebih tinggi akan melangkaui gaji anggota yang memiliki kelayakan lebih tinggi yang sama semasa dalam perkhidmatan.

DASAR BARU

5. Kerajaan telah membuat ketetapan supaya anggota terlibat dalam skim-skim perkhidmatan seperti yang tersebut di perenggan 2 di atas diberi HPG sekiranya anggota berkenaan memperolehi kelayakan akademik lebih tinggi ketika dalam perkhidmatan. Pemberian HPG ini adalah mengikut Peringkat (P) di mana seseorang anggota itu berada, iaitu P1, P2 atau P3.

TARIKH KUATKUASA

6. Tarikh kuatkuasa HPG ini ialah mulai 1-10-1993.

TATACARA PELAKSANAAN

7. Bagi melaksanakan dasar baru yang telah ditetapkan di perenggan 5 di atas, anggota yang berkelayakan pada dan selepas tarikh kuatkuasa adalah layak menerima HPG mengikut bilangan yang ditentukan tertakluk kepada adanya ruang pergerakan gaji secara mendatar mengikut Peringkat (P) dalam gred gaji masing-masing.

8. Selaras dengan keputusan ini, Kerajaan memutuskan bilangan pemberian HPG mengikut skim-skim perkhidmatan KMP yang terlibat adalah seperti yang dijelaskan dalam *Jadual 1* berikut:

JADUAL I

Bilangan HPG Bagi Skim-skim Perkhidmatan KMP Dalam Klasifikasi Perkhidmatan Pendidikan

Skim Perkhidmatan/ Gred Gaji (a)	Kelayakan Akademik (b)	Bil. HPG (c)	Bil. HPG Maksimum Bagi Anggota Yang Mempunyai Lebih Daripada Satu Kelayakan (d)
PPPBS (DG6)	STPM	2	}
	Diploma	3	
Pensyarah IIM (DT3)	Sarjana	2	}
	Ph.D	3	
Pensyarah KUSZA (DG3)	Sarjana	2	}
	Ph.D	3	
Pensyarah Universiti (DS2)	Ph.D	3	Tidak berkenaan

9. HPG ini hanya layak diberi kepada anggota yang belum mendapat faedah gaji permulaan lebih tinggi (dengan kelayakan akademik lebih tinggi) ketika anggota berkenaan dilantik.

TARIKH PERGERAKAN GAJI (TPG)

10. Kerajaan telah menetapkan supaya TPG berubah ke tahun berikutnya mengikut ulang tahun anggota diberi HPG. Bagi anggota yang layak diberi HPG pada tarikh kuatkuasa (1-10-1993), TPG bagi anggota berkenaan hendaklah berubah kepada 1-10-1994. Penetapan TPG baru bagi anggota yang diberi HPG selepas tarikh kuatkuasa adalah seperti *Jadual II* di bawah ini.

JADUAL II

Perubahan Tarikh Pergerakan Gaji Anggota Yang Mencapai Kelayakan Lebih Tinggi Dan Diberi HPG Selepas Tarikh Kuatkuasa

<i>Tarikh Mencapai Kelayakan Yang Lebih Tinggi Dan Pemberian HPG</i>	<i>Tarikh Pergerakan Gaji Baru</i>
2-10-1993 — 31-12-1993	1-10-1994
1 Januari–31 Mac	1 Januari Tahun Berikutnya
1 April–30 Jun	1 April Tahun Berikutnya
1 Julai–30 September	1 Julai Tahun Berikutnya
1 Oktober–31 Disember	1 Oktober Tahun Berikutnya

KAEDAH PEMBERIAN HPG BAGI ANGGOTA YANG TELAH MEMILIKI KELAYAKAN LEBIH TINGGI PADA TARIKH KUATKUASA

11. Anggota sedang berkhidmat yang telah memiliki kelayakan akademik lebih tinggi pada tarikh kuatkuasa hendaklah diberi HPG ke matagaji permulaan yang lebih tinggi mengikut nilai kelayakan seperti yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan. Bilangan HPG yang telah ditetapkan itu adalah seperti di *Jadual I* perenggan 8. Faedah HPG ini layak diberi bagi anggota berkenaan mengikut kaedah seperti berikut:

- (i) bagi anggota yang berada di matagaji lebih rendah dari matagaji permulaan kelayakan lebih tinggi adalah seperti di *Lampiran 'B' hingga 'E'*; dan
- (ii) bagi anggota yang berada di atas matagaji permulaan atau telah melepasi matagaji permulaan kelayakan lebih tinggi adalah seperti di *Lampiran 'F' hingga 'I'*.

KAEDAH PEMBERIAN HPG BAGI ANGGOTA YANG MEMPEROLEHI KELAYAKAN LEBIH TINGGI SELEPAS TARIKH KUATKUASA

12. Anggota dalam skim-skim perkhidmatan di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pendidikan yang memperolehi kelayakan akademik lebih tinggi mulai 2-10-1993 (selepas tarikh kuatkuasa) adalah layak mendapat HPG ke matagaji permulaan kelayakan lebih tinggi itu mengikut kaedah yang sama seperti yang telah diberi kepada anggota yang memiliki kelayakan lebih tinggi pada tarikh kuatkuasa seperti di *Lampiran 'B'* hingga *'E'*. HPG ini hendaklah diberi pada tarikh rasmi keputusan kelayakan diumumkan oleh Pihak Berkuasa Berkenaan. TPG akan berubah mengikut *Jadual II*. Kaedah HPG ini layak diberi bagi anggota berkenaan mengikut kaedah seperti berikut:

- (i) bagi anggota yang berada di matagaji lebih rendah daripada matagaji permulaan kelayakan lebih tinggi adalah seperti di *Lampiran 'J'* hingga *'M'*;
- (ii) bagi anggota yang berada di atas matagaji permulaan atau telah melepasi matagaji permulaan kelayakan lebih tinggi adalah seperti di *Lampiran 'N'* hingga *'Q'*.

KEDUDUKAN ANGGOTA YANG MEMILIKI KELAYAKAN LEBIH TINGGI PADA TARIKH KUATKUASA DAN TARIKH PERGERAKAN GAJI TAHUNAN JATUH PADA TARIKH KUATKUASA (1-10-93)

13. Dalam keadaan di mana anggota telah memiliki kelayakan lebih tinggi pada tarikh kuatkuasa dan tarikh pergerakan gajinya juga jatuh pada tarikh kuatkuasa (1-10-93) anggota hendaklah terlebih dahulu diberi pergerakan gaji tahunan mengikut penilaian prestasi sebelum anggota berkenaan diberi HPG mengikut kelayakannya. Contoh bagi anggota PPPBS yang memiliki STPM pada tarikh kuatkuasa dan TPGnya jatuh pada tarikh kuatkuasa (1-10-1993) adalah seperti di *Lampiran 'R'*.

KEDUDUKAN ANGGOTA YANG MEMPEROLEHI KELAYAKAN LEBIH TINGGI (SELEPAS TARIKH KUATKUASA) PADA TARIKH YANG SAMA DENGAN TARIKH PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

14. Anggota yang memperolehi kelayakan lebih tinggi pada tarikh yang sama dengan TPG tahunan hendaklah terlebih dahulu diberi TPG mengikut penilaian prestasi sebelum anggota berkenaan diberi HPG mengikut kelayakan dan kaedah-kaedah yang berkaitan. Contoh bagi Pensyarah KUSZA yang TPGnya jatuh pada 1-7-94 dan memperolehi kelayakan Ph.D pada tarikh yang sama adalah seperti di *Lampiran 'S'*.

KEDUDUKAN ANGGOTA YANG MEMILIKI LEBIH DARIPADA SATU KELAYAKAN

15. Dalam keadaan di mana anggota berada di bawah daripada matagaji permulaan dan memiliki lebih daripada satu kelayakan lebih tinggi (pada atau selepas tarikh kuatkuasa), anggota berkenaan hendaklah diberi HPG ke matagaji permulaan kelayakan yang paling tinggi atau menerima HPG seperti yang ditetapkan di *Jadual I*. Contoh bagi PPPBS yang memiliki STPM dan Diploma adalah seperti di *Lampiran 'T1'* dan bagi Pensyarah ITM DT3 yang memiliki Sarjana dan Ph.D di *Lampiran 'T2'*.


16. Dalam keadaan di mana anggota berada di atas atau melepasi matagaji permulaan kelayakan yang paling tinggi dan memiliki lebih daripada satu kelayakan pada atau selepas tarikh kuatkuasa bilangan HPG yang layak diterima oleh anggota berkenaan pada tarikh kuatkuasa ialah seperti di *Jadual I*: Contoh bagi Pensyarah ITM yang memiliki kelayakan Sarjana dan Ph.D pada dan selepas tarikh kuatkuasa adalah seperti di *Lampiran 'U1'* dan *'U2'*.

17. Dalam keadaan di mana anggota memiliki satu kelayakan lebih tinggi pada tarikh kuatkuasa dan kemudiannya memperolehi satu lagi kelayakan lebih tinggi selepas tarikh kuatkuasa, anggota berkenaan hendaklah diberi HPG pada tarikh kuatkuasa mengikut nilai kelayakannya dan diberi baki satu lagi HPG mulai tarikh rasmi keputusan kelayakan diumumkan oleh Pihak Berkuasa yang berkenaan. Contoh bagi PPPBS yang memiliki STPM pada tarikh kuatkuasa 1-10-93 dan kemudiannya memperolehi Diploma Kejuruteraan selepas tarikh kuasa adalah seperti di *Lampiran 'V'*.

AM

18. Pemberian HPG ini hanya terpakai bagi anggota yang telah menerima opsyen SSB sahaja. Pelaksanaan HPG ini tidak mengubah kekananan anggota-anggota yang terlibat. Faedah HPG ini dipanjangkan juga kepada anggota yang dilantik secara sementara.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



TAN SRI DATO' MAHMUD BIN TAIB
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA

6hb Jun 1994

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

s.k.

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun
Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan

**GAJE PERMULAAN BAGI KELAYAKAN LEBIH TINGGI
DALAM SKIM-SKIM PERKHIDMATAN DE BAWAH
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN**

<i>Skim Perkhidmatan</i>	<i>Kelayakan Lebih Tinggi</i>	<i>Gred Gaji</i>
PPPBS (DG6)	STPM	P1T6 (RM771)
	Diploma	P1T10 (RM943)
	Diploma Pertanian/ Kejuruteraan	P1T11 (RM986)
Pensyarah ITM (DT3)	Ijazah Sarjana	P1T8 (RM1660)
	Ijazah Ph.D	P1T11 (RM1855)
Pensyarah KUSZA (DG3)	Ijazah Sarjana	P1T8 (RM1530)
	Ijazah Ph.D	P1T11 (RM1725)
Pensyarah Universiti (DS2)	Ijazah Ph.D	P1T4 (RM1884)

KAEDAH PEMBERIAN HPG BAGI ANGGOTA DALAM SKIM PERKHIDMATAN PPPBS YANG BERADA DI MATAGAJI LEBIH RENDAH DARI MATAGAJI PERMULAAN KELAYAKAN LEBIH TINGGI PADA TARIKH KUATKUASA (1-10-93)

1. PPPBS Gred DG6 yang sedang berkhidmat dan memiliki kelayakan STPM/ Diploma serta berada di P1T4 dan ke bawah (bagi kelayakan STPM) atau P1T7 dan ke bawah (bagi kelayakan Diploma yang berkaitan) atau P1T8 dan ke bawah (bagi kelayakan Diploma Kejuruteraan/ Pertanian) hendaklah diberi HPG ke matagaji permulaan kelayakan lebih tinggi. Kaedah ini adalah juga terpakai bagi anggota yang berada di P2 dan P3. Kaedah pemberian HPG ini adalah dijelaskan seperti berikut:

Skim Perkhidmatan : Gaji permulaan kelayakan
PPPBS (DG6) : STPM P1T6 : RM771

**Kedudukan Penyandang-
penyandang pada 1-10-1993** : Berada di matagaji P1T4 dan ke bawah

Gred DG6	T1	T2	T3	T4	T5	T6
Peringkat 1	592	626	660	694	728	771

Contoh lain adalah seperti di *Lampiran "B1"*.

2. PPPBS berkelayakan STPM yang berada di P1T5 hendaklah diberi 2 HPG ke P1T7 dan anggota-anggota berkelayakan Diploma yang berada di P1T8 hendaklah diberi 3 HPG ke T11, sementara anggota berkelayakan Diploma bidang Kejuruteraan/Pertanian yang berada di P1T9 hendaklah diberi 3 HPG ke T12 mengikut Peringkat masing-masing (P1, P2, P3). Kaedah ini adalah dijelaskan seperti berikut:

Skim Perkhidmatan : Gaji permulaan
PPPBS (DG6) : Kelayakan STPM P1T6 : RM771
Kelayakan Diploma P1T10 : RM943
Kelayakan Diploma Kejuruteraan/Pertanian P1T11 : RM986

**Kedudukan Penyandang-
Penyandang Pada 1-10-93** : Penyandang A di P1T5
(Kelayakan STPM)
Penyandang B di P2T8
(kelayakan Diploma)
Penyandang C di P2T9
(kelayakan Diploma Kejuruteraan/Pertanian)

Gred DG6	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12
Peringkat 1	694	728	771	814	857	900	943	986	1029
Peringkat 2	736	781	826	871	916	961	1006	1051	1096

Contoh lain adalah seperti di *Lampiran "B2"*.

**PPPBS/GRED/DG6 YANG BERADA DI P1T4 DAN MEMILIKI
STPM PADA TARIKH KUATKUASA DIBERI HPG KE
MATAGAJE PERMULAAN STPM**

<i>Tarikh</i>	<i>DG6 (RM)</i>	<i>Catatan</i>
1-4-93	694 (P1T4)	Pergerakan gaji mengikut prestasi.
1-5-93	694 (P1T4)	Lulus STPM.
1-10-93	771 (P1T6)	Diberi HPG ke matagaji permulaan STPM.
1-10-94		Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut prestasi.

**PPPBS GRED DG6 YANG BERADA DI PITS DAN MEMILIKI
KELAYAKAN STPM PADA TARIKH KUATKUASA
DIBERI 2 HPG**

<i>Tarikh</i>	<i>DG6 (RM)</i>	<i>Catatan</i>
1-4-93	728 (P1T5)	Pergerakan gaji mengikut prestasi.
1-5-93	728 (P1T5)	Lulus STPM.
1-10-93	814 (P1T7)	Diberi 2 HPG kerana memiliki STPM.
1-10-94		Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut prestasi.

KAEDAH PEMBERIAN HPG BAGI ANGGOTA DALAM SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH ITM YANG BERADA DI MATAGAJI LEBIH RENDAH DARI MATAGAJI PERMULAAN KELAYAKAN LEBIH TINGGI PADA TARIKH KUATKUASA (1-10-93)

1. Pensyarah ITM Gred DT3 sedang berkhidmat yang memiliki kelayakan lebih tinggi dan berada di P1T6 dan ke bawah (bagi kelayakan Sarjana) atau P1T8 dan ke bawah (bagi kelayakan Ph.D) hendaklah diberi HPG ke matagaji permulaan kelayakan lebih tinggi. Kaedah ini adalah juga terpakai bagi anggota yang berada di P2 dan P3. Kaedah pemberian HPG ini adalah dijelaskan seperti berikut:

Skim Perkhidmatan : Gaji Permulaan
Pensyarah ITM Gred DT3 : Kelayakan Sarjana P1T8 : RM1660
 Kelayakan Ph.D P1T11 : RM1855

Kedudukan Penyandang-penyandang Pada 1-10-1993 : Penyandang A berada di P1T5 (kelayakan Sarjana)
 Penyandang B berada di P2T8 (kelayakan Ph.D)

Gred DT3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11
Peringkat 1	1400	1465	1530	1595	1660	1725	1790	1855
		A						
Peringkat 2	1483	1551	1619	1687	1755	1823	1891	1959
					B			

Contoh lain adalah seperti di *Lampiran 'C1'*


2. Pensyarah ITM Gred DT3 yang memiliki Sarjana dan berada di P1T7 hendaklah diberi 2 HPG ke P1T9. Anggota yang memiliki Ph.D dan berada di P1T9 dan P1T10 hendaklah diberi 3 HPG masing-masing ke P1T12 dan P1T13. Kaedah ini adalah juga terpakai bagi anggota yang berada di P2 dan P3. Kaedah pemberian HPG ini adalah dijelaskan seperti berikut:

Skim Perkhidmatan : Gaji Permulaan
Pensyarah ITM Gred DT3 : Sarjana P1T8 : RM1660
 Kelayakan Ph.D P1T11 : RM1855

Kedudukan Penyandang-penyandang Pada 1-10-1993 : Penyandang 'A' berada di P1T7 (kelayakan Sarjana)
 Penyandang 'B' berada di P2T9 (kelayakan Ph.D)
 Penyandang 'C' berada di P2T10 (kelayakan Ph.D)


Gred DT3 T7 T8 T9 T10 T11 T12 T113

Peringkat 1 1595 1660 1725 1790 1855 1920 1985



A

Peringkat 2 1687 1755 1823 1891 1959 2027 2095



B

C

**PENSYARAH ITM GRED DT3 YANG BERADA DI P1T6
BERKELAYAKAN SARJANA DIBERI HPG KE
MATAGAJI PERMULAAN SARJANA**

<i>Tarikh</i>	<i>DT3 (RM)</i>	<i>Catatan</i>
1-7-93	1530 (P1T6)	Pergerakan gaji mengikut prestasi.
1-8-93	1530 (P1T6)	Memperolehi Sarjana.
1-10-93	1660 (P1T8)	Diberi HPG ke matagaji permulaan Sarjana.
1-10-94		Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut prestasi.

**KAEDAH PEMBERIAN HPG BAGI ANGGOTA DALAM SKIM
PERKHIDMATAN PENSARAH KUSZA YANG BERADA
DI MATAGAJI LEBIH RENDAH DARIPADA MATAGAJI
PERMULAAN KELAYAKAN LEBIH TINGGI PADA
TARIKH KUATKUASA (1-10-93)**

1. Pensyarah KUSZA Gred DG3 sedang berkhidmat yang memiliki kelayakan lebih tinggi serta berada di P1T6 dan ke bawah (bagi kelayakan Sarjana) dan P1T8 dan ke bawah (bagi kelayakan Ph.D) hendaklah diberi HPG ke matagaji permulaan kelayakan lebih tinggi. Kaedah ini adalah juga terpakai bagi anggota yang berada di P2 dan P3. Kaedah pemberian HPG ini adalah dijelaskan seperti berikut:

Skim Perkhidmatan : Gaji Permulaan Kelayakan Sarjana
Pensyarah KUSZA Gred DG3 : P1T8: RM1530
Gaji Permulaan Kelayakan Ph.D
P1T11: RM1725

Kedudukan Penyandang-penyandang 1-10-93 : Penyandang 'A' berada di P1T4 (kelayakan Sarjana)
Penyandang 'B' berada di P2T7 (kelayakan Ph. D)


Gred DG3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11
Peringkat 1	1270	1335	1400	1465	1530	1595	1660	1725
	<div style="display: flex; justify-content: space-between; width: 100%;">└──────────────────────────────────┘┌──────────────────────────────────┐</div> <p style="text-align: center;">A</p>							
Peringkat 2	1347	1415	1483	1551	1619	1687	1755	1823
				<div style="display: flex; justify-content: space-between; width: 100%;">└──────────────────────────────────┘┌──────────────────────────────────┐</div> <p style="text-align: center;">B</p>				

Contoh lain adalah seperti di *Lampiran 'D1'*.

2. Pensyarah KUSZA Gred DG3 yang memiliki Sarjana berada di P1T7 hendaklah diberi 2 HPG ke P1T9. Anggota yang memiliki Ph.D dan berada di P1T9 dan P1T10 hendaklah diberi 3 HPG masing-masing ke P1T12 dan P1T13 (bagi kelayakan Ph.D). Kaedah ini adalah juga terpakai bagi anggota yang berada di P2 dan P3. Kaedah pemberian HPG ini adalah dijelaskan seperti berikut:

Skim Perkhidmatan : Gaji Permulaan
Pensyarah KUSZA Gred DG3 : Kelayakan Sarjana P1T8: RM1530
Pada 1-10-93 : Kelayakan Ph.D P1T11: RM1725

Kedudukan Penyandang-penyandang : Penyandang 'A' berada di P1T7 (kelayakan Sarjana)
Penyandang 'B' berada di P2T9 (kelayakan Ph. D)
Penyandang 'C' berada di P2T10 (kelayakan Ph.D)



Contoh lain adalah seperti di *Lampiran 'DI'*.

**PENSYARAH KUSZA GRED DG3 YANG BERADA DI P2T7
MEMILIKI Ph.D DIBERI HPG KE GAJI PERMULAAN Ph.D**

<i>Tarikh</i>	<i>DG3 (RM)</i>	<i>Catatan</i>
1-4-93	1551 (P2T7)	Pergerakan gaji mengikut prestasi.
2-6-93	1551 (P2T7)	Memperolehi Ph.D.
1-10-93	1823 (P2T11)	Diberi HPG ke matagaji permulaan Ph.D.
1-10-94		Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut prestasi


**KAEDAH PEMBERIAN HPG BAGI ANGGOTA DALAM SKIM
PERKHIDMATAN PENSYARAH UNIVERSITI YANG BERADA DI
MATAGAJI LEBIH RENDAH DARIPADA MATAGAJI PERMULAAN
KELAYAKAN LEBIH TINGGI PADA TARIKH KUATKUASA (1-10-93)**

1. Pensyarah Universiti Gred DS2 sedang berkhidmat yang memiliki kelayakan lebih tinggi serta berada di P1T1 pada tarikh kuatkuasa hendaklah diberi HPG ke matagaji permulaan kelayakan Ph.D iaitu P1T4. Kaedah pemberian HPG ini adalah dijelaskan seperti berikut:

Skim Perkhidmatan : Gaji permulaan Kelayakan Ph.D
Pensyarah Universiti DS2 ialah P1T4 : RM1884

**Kedudukan Penyandang-
penyandang Pada 1-10-93** : Berada di P1T1

Gred DS3	T1	T2	T3	T4	T5
Peringkat 1	1686	1752	1818	1884	1950




Contoh lain adalah seperti di *Lampiran "E1"*.

2. Pensyarah Universiti Gred DS2 yang berada di P1T2 dan P1T3 pada tarikh kuatkuasa hendaklah diberi 3 HPG ke P1T5 dan P1T6 mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing. Kaedah pemberian HPG ini adalah dijelaskan seperti berikut:

Skim Perkhidmatan : Gaji permulaan Kelayakan Ph.D
Pensyarah Universiti P1T4 : RM1884
Gred DS2

Kedudukan Penyandang : Penyandang "A" berada di P1T2
Pada 1-10-93 Penyandang "B" berada di P1T3

Gred DS2	T1	T2	T3	T4	T5	T6
Peringkat 1	1686	1752	1818	1884	1950	2016



Contoh lain adalah seperti di *Lampiran "E2"*.

**PENSYARAH UNIVERSITI GRED DS2 YANG BERADA DI P1T1
BERKEELAYAKAN Ph.D. DIBERI HPG KE MATAGAJI
PERMULAAN Ph.D.**

<i>Tarikh</i>	<i>DS2 (RM)</i>	<i>Catatan</i>
1-8-93	1686 (P1T1)	Lantikan sebagai Pensyarah.
1-9-93	1686 (P1T1)	Memperolehi Ph.D.
1-10-93	1884 (P1T4)	Diberi HPG ke matagaji permulaan Ph.D.
1-10-94		Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut prestasi.

**PENSYARAH UNIVERSITI GRED DS2 YANG BERADA DI P1T3 DAN
BERKELAYAKAN Ph.D DIBERI 3 HPG KE P1T6**

<i>Tarikh</i>	<i>DS2 (RM)</i>	<i>Catatan</i>
1-7-93	1818 (P1T3)	Pergerakan gaji mengikut prestasi.
1-9-93	1818 (P1T3)	Memperolehi Ph.D.
1-10-93	2016 (P1T6)	Diberi 3 HPG ke P1T6.
1-10-94		Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut prestasi.

**KAEDAH PEMBERIAN HPG BAGI ANGGOTA DALAM SKIM
PERKHIDMATAN PPPBS GRED DG6 YANG BERADA DI
MATAGAJI PERMULAAN DAN KE ATAS PADA
TARIKH KUATKUASA (1-10-93)**

1. PPPBS Gred DG6 sedang berkhidmat dan memiliki kelayakan STPM/Diploma serta berada di P1T6 (bagi kelayakan STPM) **atau** P1T10 (bagi kelayakan Diploma Yang Berkaitan) **atau** P1T11 (bagi kelayakan Diploma Pertanian/Kejuruteraan) **atau** telah melepasi matagaji-matagaji permulaan tersebut, hendaklah diberi HPG. Kaedah ini adalah juga terpakai bagi anggota yang berada di P2 dan P3. Bilangan HPG adalah seperti yang telah ditetapkan di Jadual I. Kaedah pemberian HPG ini adalah dijelaskan seperti berikut:

Skim Perkhidmatan : Gaji Permulaan STPM P1T6: RM771
PPPBS Gred DG6

Kedudukan Penyandang : Penyandang A berada di P1T6
Pada Tarikh Kuatkuasa (kelayakan STPM)
Penyandang B berada di P1T7
(kelayakan STPM)

Gred DG6	T5	T6	T7	T8	T9	T10
Peringkat 1	728	771	814	857	900	943

Contoh lain adalah seperti di *Lampiran 'F1'*

**PPPBS GRED DG6 YANG BERADA DI PIT6 DAN
MEMILIKI STPM PADA TARIKH KUATKUASA**


<i>Tarikh</i>	<i>DG6 (RM)</i>	<i>Catatan</i>
1-1-93	771 (P1T6)	Pergerakan gaji mengikut prestasi.
21-4-93	771 (P1T6)	Memperolehi STPM.
1-10-93	857 (P1T8)	Diberi 2 HPG.
1-10-94		Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut prestasi.

KAEDAH PEMBERIAN HPG BAGI ANGGOTA DALAM SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH ITM GRED DT3 YANG BERADA DI MATAGAJI PERMULAAN DAN KE ATAS PADA TARIKH KUATKUASA (1-10-93)

1. Pensyarah ITM Gred DT3 yang sedang berkhidmat dan memiliki kelayakan Sarjana/Ph.D serta berada di matagaji P1T8 (bagi kelayakan Sarjana) atau P1T11 (bagi kelayakan Ph.D) atau telah melepasi matagaji-matagaji permulaan tersebut, hendaklah diberi HPG. Kaedah ini adalah juga terpakai bagi anggota yang berada di P2 dan P3. Bilangan HPG adalah seperti yang telah ditetapkan di *Jadual I*. Kaedah pemberian HPG ini adalah dijelaskan seperti berikut:

Skim Perkhidmatan Pensyarah ITM Gred DT3 : Gaji Permulaan
 Kelayakan Sarjana P1T8: RM1660
 Kelayakan Ph.D P1T11: RM1855

Kedudukan Penyandang Pada Tarikh Kuatkuasa : Penyandang A berada di P1T8 (kelayakan Sarjana)
 Penyandang B berada di P1T9 (kelayakan Sarjana)
 Penyandang C berada di P1T11 (kelayakan Ph. D)



Contoh lain adalah seperti di *Lampiran 'G1' dan 'G2'*.

PENSYARAH ITM GRED DT3 YANG BERADA DI P2T22 DAN BERKELAYAKAN SARJANA HANYA DIBERI 1 HPG SAHAJA

<i>Tarikh</i>	<i>DT3 (RM)</i>	<i>Catatan</i>
1-7-93	3059 (P2T22)	Pergerakan gaji mengikut prestasi.
21-9-93	3059 (P2T22)	Memperolehi Sarjana.
1-10-93	3171 (P2T23)	* Diberi 1 HPG.
1-10-94		Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut prestasi.

NOTA:

- * Hanya diberi 1 HPG kerana T23 adalah tangga maksimum di Peringkat 2 Gred Gaji DT3.

**PENSYARAH ITM GRED DT3 YANG BERADA DI P2T12
DAN BERKELAYAKAN Ph.D DIBERI 3 HPG DI P2T15**

<i>Tarikh</i>	<i>DT3 (RM)</i>	<i>Catatan</i>
1-7-93	2027-(P2T12)	Pergerakan gaji mengikut prestasi.
21-8-93	2027 (P2T12)	Memperolehi Ph.D.
1-10-93	2275 (P2T15)	Diberi 3 HPG.
1-10-94		Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut prestasi.

**KAEDAH PEMBERIAN HPG BAGI ANGGOTA DALAM SKIM
PERKHIDMATAN PENSYARAH KUSZA GRED DG3 YANG
BERADA DI MATAGAJI PERMULAAN DAN KE ATAS
PADA TARIKH KUATKUASA (1-10-93)**

1. Pensyarah KUSZA Gred DG3 yang sedang berkhidmat dan memiliki kelayakan Sarjana/Ph.D serta berada di matagaji P1T8 (bagi kelayakan Sarjana), P1T11 (bagi kelayakan Ph.D) atau telah melepasi matagaji-matagaji permulaan tersebut, hendaklah diberi HPG mengikut bilangan seperti yang telah ditetapkan di Jadual I. Kaedah ini adalah juga terpakai bagi anggota yang berada di P2 dan P3. Kaedah pemberian HPG ini adalah seperti berikut:

Skim Perkhidmatan : Gaji permulaan
Pensyarah KUSZA Gred DG3 : Kelayakan Sarjana P1T8 : RM1530
 Kelayakan Ph.D P1T11 : RM1725

Kedudukan Penyandang Pada Tarikh Kuatkuasa : Penyandang A berada di P1T8 (Kelayakan Sarjana)
 Penyandang B berada di P2T9 (Kelayakan Sarjana)
 Penyandang C berada di P2T11 (Kelayakan Ph.D)

Gred DG3	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14
Peringkat 1	1530	1595	1660	1725	1790	1855	1920
	 A						
Peringkat 2	1619	1687	1755	1823	1891	1959	2027
	 B			 C			

**KAEDAH PEMBERIAN HPG BAGI ANGGOTA DALAM SKIM
PERKHIDMATAN PENSYARAH UNIVERSITI YANG BERADA
DI MATAGAJI PERMULAAN DAN KE ATAS PADA TARIKH
KUATKUASA (1-10-93)**

1. Pensyarah Universiti Gred DS2 yang sedang berkhidmat dan memiliki kelayakan Ph.D serta telah pun berada pada matagaji permulaan P1T4 atau telah melepasi matagaji permulaan tersebut, hendaklah diberi 3 HPG. Kaedah ini adalah juga terpakai bagi anggota yang berada di P2 dan P3. Bilangan HPG adalah seperti yang telah ditetapkan di *Jadual I*. Kaedah pemberian HPG ini adalah dijelaskan seperti berikut:

**Skim Perkhidmatan
Pensyarah Universiti
Gred DS2** : Gaji permulaan
Kelayakan Ph.D P1T4 : RM1884

**Kedudukan Penyangg
Pada Tarikh Kuatkuasa** : Penyangg A berada di P1T4
(Kelayakan Ph.D)
Penyangg B berada di P2T5
(Kelayakan Ph.D)

Gred DS2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10
Peringkat I	1818	1884	1950	2016	2126	2236	2346	2456
		└──────────────────┬──────────────────┘ A						
Peringkat II	1893	1962	2031	2145	2259	2373	2487	2601
		└──────────────────┬──────────────────┘ B						

**KAEDAH PEMBERIAN HPG BAGI PPPBS GRED DG6 YANG
MEMPEROLEHI KELAYAKAN LEBIH TINGGI SELEPAS
TARIKH KUATKUASA (MULAI 2-10-93) DAN BERADA DI
MATAGAJI LEBIH RENDAH DARIPADA MATAGAJI
PERMULAAN KELAYAKAN LEBIH TINGGI**

1. PPPBS Gred DG6 yang sedang berkhidmat dan berada di P1T4 dan ke bawah (bagi kelayakan STPM) atau P1T7 dan ke bawah (bagi kelayakan Diploma berkaitan) atau P1T8 dan ke bawah (bagi kelayakan Diploma Kejuruteraan/Pertanian) adalah layak mendapat HPG ke matagaji-matagaji permulaan mengikut kelayakan lebih tinggi yang berkenaan. HPG hendaklah diberi pada tarikh rasmi keputusan kelayakan diumumkan oleh Pihak Berkuasa berkenaan. Contohnya adalah seperti di *Lampiran "JI"*.
2. PPPBS Gred DG6 yang memperolehi kelayakan STPM dan berada di P1T5 adalah layak mendapat 2 HPG ke matagaji P1T7 pada tarikh rasmi keputusan kelayakan diumumkan oleh Pihak Berkuasa Berkenaan.
3. PPPBS Gred DG6 yang memperolehi kelayakan Diploma dan berada di P1T8 (bagi Diploma berkaitan) atau berada di P1T9 (bagi kelayakan Diploma Kejuruteraan/Pertanian) adalah layak diberi 3 HPG ke P1T11 atau P1T12 pada tarikh rasmi keputusan kelayakan diumumkan oleh Pihak Berkuasa Berkenaan.

CATATAN

Kaedah ini adalah juga terpakai bagi anggota yang berada di P2 dan P3.

**PPPBS GRED DG6 YANG BERADA DI P1T4 DAN MEMPEROLEHI
KELAYAKAN DIPLOMA PADA 20-6-94 DIBERI HPG KE MATA-
GAJI PERMULAAN DIPLOMA PADA TARIKH YANG SAMA**

<i>Tarikh</i>	<i>DG6 (RM)</i>	<i>Catatan</i>
1-4-94	694 (P1T4)	Pergerakan gaji mengikut prestasi
20-6-94	943 (P1T10)	Tarikh rasmi keputusan Diploma dan diberi HPG ke matagaji permulaan Diploma
1-4-95		Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut prestasi

**KAEDAH PEMBERIAN HPG BAGI PENSYARAH ITM YANG
MEMPEROLEHI KELAYAKAN LEBIH TINGGI SELEPAS TARIKH
KUATKUASA DAN BERADA DI MATAGAJI LEBIH RENDAH
DARIPADA MATAGAJI PERMULAAN KELAYAKAN LEBIH TINGGI**

1. Pensyarah ITM Gred DT3 yang sedang berkhidmat dan berada di P1T6 dan ke bawah (bagi kelayakan Sarjana) atau P1T8 dan ke bawah (bagi kelayakan Ph.D) adalah layak mendapat HPG ke matagaji permulaan kelayakan lebih tinggi. HPG hendaklah diberi pada tarikh rasmi keputusan kelayakan diumumkan oleh Pihak Berkuasa Berkenaan. Contoh adalah seperti di *Lampiran "K1"*.
2. Pensyarah ITM Gred DT3 yang memperolehi kelayakan Sarjana dan berada di P1T7 adalah layak mendapat 2 HPG ke matagaji P1T9 pada tarikh rasmi keputusan kelayakan diumumkan oleh Pihak Berkuasa Berkenaan.
3. Pensyarah ITM Gred DT3 yang memperolehi kelayakan Ph.D. dan berada di T9 atau T10 adalah layak mendapat 3 HPG ke matagaji P1T12 atau P1T13 pada tarikh rasmi keputusan kelayakan diumumkan oleh Pihak Berkuasa Berkenaan.

CATATAN

Kaedah ini adalah juga terpakai bagi anggota yang berada di P2 dan 3.

- **PENSYARAH ITM GRED DT3 YANG BERADA DI PIT5 DIBERI HPG KE MATAGAJI PERMULAAN KELAYAKAN SARJANA PADA TARIKH RASMI KEPUTUSAN SARJANA**

<i>Tarikh</i>	<i>DT3 (RM)</i>	<i>Catatan</i>
1-7-95	1465 (P1T5)	Pergerakan gaji mengikut prestasi
1-9-95	1660 (P1T8)	Tarikh rasmi keputusan Sarjana. Diberi HPG ke matagaji permulaan kelayakan Sarjana P1T8
1-7-96		Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut prestasi

**KAEDAH PEMBERIAN HPG BAGI PENSYARAH KUSZA GRED DG3
YANG MEMPEROLEHI KELAYAKAN LEBIH TINGGI SELEPAS
TARIKH KUATKUASA DAN BERADA DI MATAGAJI LEBIH RENDAH
DARIPADA MATAGAJI PERMULAAN KELAYAKAN LEBIH TINGGI**

1. Pensyarah KUSZA Gred DG3 yang sedang berkhidmat dan berada di P1T6 dan ke bawah (bagi kelayakan Sarjana) atau P1T8 dan ke bawah (bagi kelayakan Ph.D) adalah layak mendapat HPG ke matagaji permulaan kelayakan lebih tinggi. HPG hendaklah diberi pada tarikh rasmi keputusan kelayakan diumumkan oleh Pihak Berkuasa Berkenaan. Contoh adalah seperti di *Lampiran L1*.
2. Pensyarah KUSZA Gred DG3 yang memperolehi kelayakan Sarjana dan berada di P1T7 adalah layak mendapat 2 HPG ke matagaji P1T9 pada tarikh rasmi keputusan kelayakan diumumkan oleh Pihak Berkuasa Berkenaan.
3. Pensyarah KUSZA Gred DG3 yang memperolehi kelayakan Ph.D. dan berada di T9 atau T10 adalah layak mendapat 3 HPG ke matagaji P1T12 atau P1T13 pada tarikh rasmi keputusan kelayakan diumumkan oleh Pihak Berkuasa Berkenaan.

CATATAN

Kaedah ini adalah juga terpakai bagi anggota yang berada di P2 dan P3.

**PENSYARAH KUSZA GRED DG3 YANG BERADA DI P2T5 DIBERI
HPG KE MATAGAJI PERMULAAN KELAYAKAN SARJANA PADA
TARIKH RASMI KEPUTUSAN SARJANA**

<i>Tarikh</i>	<i>DG3 (RM)</i>	<i>Catatan</i>
1-7-95	1415 (P2T5)	Pergerakan gaji mengikut prestasi.
1-9-95	619 (P2T8)	Tarikh rasmi keputusan Sarjana. Diberi HPG ke matagaji permulaan Sarjana
1-7-96		Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut prestasi

**KAEDAH PEMBERIAN HPG BAGI PENSYARAH UNIVERSITI
GRED DS2 YANG MEMPEROLEHI KELAYAKAN LEBIH
TINGGI SELEPAS TARIKH KUATKUASA DAN BERADA
DI MATAGAJI LEBIH RENDAH DARIPADA MATAGAJI
PERMULAAN KELAYAKAN LEBIH TINGGI**

1. Pensyarah Universiti Gred DS2 yang sedang berkhidmat dan berada di matagaji P1T1 adalah layak mendapat HPG ke matagaji permulaan kelayakan Ph.D. pada tarikh rasmi keputusan kelayakan diumumkan oleh Pihak Berkuasa Berkenaan. Contoh adalah seperti di *Lampiran 'M1'*.
2. Pensyarah Universiti Gred DS2 yang sedang berkhidmat dan memperolehi kelayakan Ph.D. serta berada di matagaji T2 atau T3 adalah layak mendapat 3 HPG ke T5 atau T7 bermula pada tarikh rasmi keputusan kelayakan diumumkan oleh Pihak Berkuasa Berkenaan.

**PENSYARAH UNIVERSITI GRED DS2 YANG BERADA DI PIT1
DIBERI HPG KE MATAGAJI PERMULAAN Ph.D PADA
TARIKH RASMI KEPUTUSAN Ph.D**

<i>Tarikh</i>	<i>DS2 (RM)</i>	<i>Catatan</i>
1-4-94	1686 (P1T1)	Lantikan
1-6-94	1884 (P1T4)	Tarikh rasmi keputusan Ph.D. dan diberi HPG ke gaji permulaan Ph.D.
1-4-95		Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut prestasi

KAEDAH PEMBERIAN HPG BAGI ANGGOTA DALAM SKEM PERKHIDMATAN PPPBSI GRED DG6 YANG MEMPEROLEHI KELAYAKAN LEBIH TINGGI SELEPAS TARIKH KUATKUASA DAN BERADA DI ATAS MATAGAJI PERMULAAN ATAU TELAH MELEPASI MATAGAJI PERMULAAN KELAYAKAN LEBIH TINGGI.

1. PPPBS Gred DG6 yang sedang berkhidmat dan memperolehi kelayakan STPM/ Diploma serta berada pada matagaji permulaan P1T6 (bagi kelayakan STPM) P1T10 (bagi kelayakan Diploma) dan P1T11 (bagi kelayakan Diploma Kejuruteraan/ Pertanian) atau telah melepasi matagaji permulaan kelayakan lebih tinggi berkenaan selepas tarikh kuatkuasa hendaklah diberi HPG. Bilangan HPG adalah seperti yang telah ditetapkan di Jadual I. Kaedah ini adalah juga terpakai bagi anggota yang berada di P2 dan P3. HPG diberi pada tarikh rasmi keputusan kelayakan diumumkan oleh Pihak Berkuasa Berkenaan. Contoh adalah seperti di *Lampiran 'N1'*.

**PPPBS GRED DG6 YANG BERADA DI P2T15 DIBERI 3 HPG PADA
TARIKH RASMI KEPUTUSAN KELAYAKAN DIPLOMA.**

<i>Tarikh</i>	<i>DG6 (RM)</i>	<i>Catatan</i>
1-4-96	1231 (P2T15)	Pergerakan gaji mengikut prestasi.
1-5-96	1366 (P2T18)	Tarikh rasmi keputusan Diploma dan diberi 3 HPG.
1-4-97		Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut prestasi

KAEDAH PEMBERIAN HPG BAGI ANGGOTA DALAM SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH ITM GRED DT3 YANG MEMILIKI KELAYAKAN LEBIH TINGGI SELEPAS TARIKH KUATKUASA DAN BERADA DI ATAS MATAGAJI PERMULAAN ATAU TELAH MELEPASI MATAGAJI PERMULAAN KELAYAKAN LEBIH TINGGI

1. Pensyarah ITM Gred DT3 yang sedang berkhidmat dan memperolehi kelayakan Sarjana/Ph.D. serta berada pada matagaji permulaan P1T8 (bagi kelayakan Sarjana) atau P1T11 (bagi kelayakan Ph.D) atau telah melepasi matagaji-matagaji permulaan kelayakan lebih tinggi itu selepas tarikh kuatkuasa hendaklah diberi HPG. Bilangan HPG adalah seperti yang telah ditetapkan dalam Jadual I. Kaedah ini adalah juga terpakai bagi anggota yang berada di P2 dan P3. HPG hendaklah diberi pada tarikh rasmi keputusan kelayakan diumumkan oleh Pihak Berkuasa Berkenaan. Contoh adalah seperti di *Lampiran 'O1'*.

**PENSYARAH ITM GRED DT3 YANG BERADA DI PIT22 DIBERI HPG
KE PIT23 PADA TARIKH RASMI KEPUTUSAN SARJANA.**

<i>Tarikh</i>	<i>DT3 (RM)</i>	<i>Catatan</i>
1-4-97	2871 (P1T22)	Pergerakan gaji mengikut prestasi
1-5-97	2979 (P1T23)	Tarikh rasmi keputusan Sarjana dan diberi 1 HPG sahaja.*
1-4-98		Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut prestasi.

NOTA:

- * Hanya diberi 1 HPG kerana T23 adalah Tangga maksimum Peringkat 1, Gred DT3

**KAEDAH PEMBERIAN HPG BAGI ANGGOTA DALAM SKIM
PERKHIDMATAN PENSYARAH KUSZA GRED DG3 YANG
MEMILIKI KELAYAKAN LEBIH TINGGI SELEPAS TARIKH
KUATKUASA DAN BERADA DI ATAS MATAGAJI PERMULAAN
ATAU TELAH MELEPASI MATAGAJI PERMULAAN
KELAYAKAN LEBIH TINGGI**

1. Pensyarah KUSZA Gred DG3 yang sedang berkhidmat dan memperolehi kelayakan Sarjana/Ph.D serta berada pada matagaji permulaan P1T8 (bagi kelayakan Sarjana) atau P1T11 (bagi kelayakan Ph.D) atau telah melepasi matagaji-matagaji permulaan kelayakan tersebut hendaklah diberi HPG. Bilangan HPG adalah seperti yang telah ditetapkan dalam Jadual I. Kaedah ini adalah juga terpakai bagi anggota yang berada di P2 dan P3. HPG hendaklah diberi pada tarikh rasmi keputusan kelayakan diumumkan oleh Pihak Berkuasa Berkenaan. Contoh adalah seperti di *Lampiran 'P1'*.

**PENSYARAH KUSZA GRED DG3 YANG BERADA DI P2T9
DIBERI 3 HPG KE P2T12 PADA TARIKH
RASML KEPUTUSAN Ph.D**

<i>Tarikh</i>	<i>DG3 (RM)</i>	<i>Catatan</i>
1-10-95	1687 (P2T9)	Pergerakan gaji mengikut prestasi
1-11-95	1891 (P2T12)	Tarikh rasmi keputusan Ph.D dan diberi 3 HPG.
1-10-96		Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut prestasi.

**KAEDAH PEMBERIAN HPG BAGI ANGGOTA DALAM SKIM
PERKHIDMATAN PENSYARAH UNIVERSITI GRED DS2 YANG
MEMPEROLEHI KELAYAKAN LEBIH TINGGI SELEPAS TARIKH
KUATKUASA DAN BERADA DI ATAS MATAGAJI PERMULAAN
ATAU TELAH MELEPASI MATAGAJI PERMULAAN
KELAYAKAN LEBIH TINGGI**

1. Pensyarah Universiti Gred DS2 yang sedang berkhidmat dan memperolehi kelayakan akademik lebih tinggi serta berada pada matagaji permulaan PIT4 (kelayakan Ph.D) **atau** telah melepasi matagaji permulaan tersebut selepas tarikh kuatkuasa hendaklah diberi 3 HPG di P1. Kaedah ini adalah juga terpakai bagi anggota yang berada di P2 dan P3. HPG hendaklah diberi pada tarikh rasmi keputusan kelayakan diumumkan oleh Pihak Berkuasa Berkenaan. Contoh adalah seperti di *Lampiran 'Q1'*.

**PENSYARAH UNIVERSITI GRED DS2 YANG BERADA DI
P1T14 DIBERI 3 HPG PADA TARIKH RASMI KEPUTUSAN Ph.D**

<i>Tarikh</i>	<i>GRED DS2 (RM)</i>	<i>Catatan</i>
1-4-96	2896 (P1T14)	Pergerakan gaji mengikut prestasi
1-9-96	3270 (P1T17)	Tarikh rasmi keputusan Ph.D dan diberi 3 HPG.
1-7-97		Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut prestasi.

NO PPPBS GRED DG6 YANG MEMILIKI STPM PADA TARIKH KUATKUASA DAN TARIKH PERGERAKAN GAJI JUGA JATUH PADA TARIKH KUATKUASA (1-10-93)

<i>Tarikh</i>	<i>DG6 (RM)</i>	<i>Catatan</i>
1-10-92	1545 (P1T24)	Pergerakan gaji mendatar.
1-6-93	1545 (P1T24)	Memperolehi STPM.
1-10-93	1727 (P2T25)	Diberi pergerakan gaji melintang untuk 1993.
1-10-93	1863 (P2T27)	Tarikh kuatkuasa dasar baru pemberian HPG dan diberi 2 HPG.
1-10-94		Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut prestasi.

**PENSYARAH KUSZA GRED DG3 YANG TPGNYA PADA 1-7-1994
DAN MEMPEROLEHI PhD PADA TARIKH YANG SAMA**

<i>Tarikh</i>	<i>DG3 (RM)</i>	<i>Catatan</i>
1-7-93	2723 (P2T21)	Pergerakan gaji mengikut prestasi.
1-7-94	2835 (P2T22)	Pergerakan gaji mengikut prestasi. (mendatar)
1-7-94	3171 (P2T25)	Tarikh rasmi keputusan Ph.D. Diberi 3 HPG.
1-7-95		Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut prestasi.

**PPPBS GRED DG6 YANG BERADA DI BAWAH GAJI PERMULAAN
DAN MEMILIKI STPM SERTA DIPLOMA PADA TARIKH KUATKUASA
DIBERI HPG KE MATAGAJI PERMULAAN DIPLOMA**

<i>Tarikh</i>	<i>DG6 (RM)</i>	<i>Catatan</i>
1-7-93	694 (P1T4)	Pergerakan gaji mengikut prestasi.
1-10-93	943 (P1T10)	Tarikh kuatkuasa dasar pemberian HPG. Diberi pelarasan ke matagaji permulaan Diploma.
1-10-94		Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut prestasi.

**PENSYARAH ITM GRED DT3 MEMILIKI SARJANA DAN Ph.D
SELEPAS TARIKH KUATKUASA DIBERI 3 HPG**

<i>Tarikh</i>	<i>DG3 (RM)</i>	<i>Catatan</i>
1-1-94	1891 (P2T10)	Pergerakan gaji mengikut prestasi.
1-5-94	2095 (P2T13)	Tarikh rasmi kelayakan Sarjana dan Ph.D. Diberi 3 HPG.
1-4-95		Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut prestasi.

**PENSYARAH ITM GRED DT3 YANG BERADA DI ATAS GAJI
PERMULAAN Ph.D DAN MEMPUNYAI KELAYAKAN SARJANA
SERTA Ph.D PADA TARIKH KUATKUASA**

<i>Tarikh</i>	<i>DT3 (RM)</i>	<i>Catatan</i>
1-4-93	1855 (P1T11)	Pergerakan gaji mengikut prestasi.
1-10-93	2050 (P1T14)	Tarikh kuatkuasa pemberian HPG. Diberi 3 HPG.
1-10-94		Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut prestasi.

**PENSYARAH ITM GRED DT3 YANG MELEPASI GAJI PERMULAAN
Ph.D DAN MEMILIKI Ph.D SERTA SARJANA SELEPAS
TARIKH KUATKUASA**

<i>Tarikh</i>	<i>DT3 (RM)</i>	<i>Catatan</i>
1-10-93	2611 (P2T18)	Pergerakan gaji mengikut prestasi.
1-6-94	2947 (P2T21)	Tarikh rasmi keputusan Sarjana dan Ph.D. Diberi 3 HPG.
1-4-95		Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut prestasi.

**PPPBS DG6 YANG MEMILIKI STPM PADA TARIKH KUATKUASA
DAN KEMUDIANNYA MEMPEROLEHI DIPLOMA KEJURUTERAAN
SELEPAS TARIKH KUATKUASA**

<i>Tarikh</i>	<i>DG6 (RM)</i>	<i>Catatan</i>
1-4-93	1186 (P2T14)	Pergerakan gaji mengikut prestasi.
1-5-93	1186 (P2T14)	Lulus STPM.
1-10-93	1276 (P2T16)	Diberi 2 HPG (STPM).
1-10-94	1400 (P3T17)	Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut prestasi (melintang).
7-4-95	1447 (P3T18)	Tarikh rasmi kelayakan Diploma Kejuruteraan. Diberi baki 1 HPG.
1-4-96		Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut prestasi.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
IBU PEJABAT, KUALA LUMPUR
1994